







HAI HANA DAN YIN,
KAMI BARU SAHAJA GANTUNGAN
JALUR GEMILANG DAN BERFIKIR
APAKAH MAKSUD WARNA-WARNA
DAN LAMBANG PADA
JALUR GEMILANG INI.



YA, KAMI RASA,
PASTI ADA MAKSUD PADA
SETIAP WARNA DAN
LAMBANG PADA
JALUR GEMILANG INI.



OH, SAYA DAN HANA
BOLEH JELASKAN
SETIAP MAKSUD WARNA
DAN LAMBANG PADA
JALUR GEMILANG,
DAN SEMUA
BENDERA-BENDERA
DI SETIAP NEGERI.





The diagram features a large, stylized illustration of the Malaysian flag. The flag is composed of a blue canton in the upper left corner containing a yellow crescent and a 16-pointed star. The remainder of the flag consists of nine horizontal stripes of red and white, with five red stripes and four white stripes. Three blue arrows originate from a smaller, detailed version of the flag on the right side of the page. One arrow points to the yellow crescent and star, another points to the yellow color, and the third points to the blue canton. Each arrow points to a corresponding text box that explains the meaning of that element. The background of the entire page is a solid blue color. At the top of the page, there is a color calibration bar with various colored squares. At the bottom left, there is a small black triangle containing the number 4. At the bottom right, there is a small black triangle containing the date and time 18/09/2018 5:03 PM.

**Anak bulan dan
bintang
melambangkan
Agama Islam
sebagai agama
rasmi Malaysia**

**Warna kuning pada
anak bulan dan bintang
melambangkan
warna Duli Yang
Maha Mulia Raja-Raja**

**Warna biru tua
melambangkan
perpaduan rakyat
Malaysia**

JALUR GEMILANG

**Bintang pecah 14 melambangkan perpaduan
13 buah negeri dengan Kerajaan Persekutuan**

**Warna merah
melambangkan
keberanian**

**Warna putih
melambangkan
kesucian**

**7 jalur merah dan 7 jalur putih melambangkan
keanggotaan yang sama dalam persekutuan
13 buah negeri dan kerajaan Persekutuan**

TAHUKAH
ANDA?

ASAL USUL BENDERA MALAYSIA

1949:

Majlis Raja-Raja Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menimbang serta membuat perakuan berkenaan dengan Bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Satu pertandingan merekacipta bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.

373 orang telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini dan tiga reka bentuk bendera telah dipilih ke peringkat akhir.

28 November 1949:

Keputusan akhir dibuat berdasarkan suara majoriti orang ramai yang memilih reka bentuk ciptaan Mohamad bin Hamzah, arkitek Jabatan Kerja Raya, Johor.

Bendera Malaysia merupakan lambang kepimpinan, simbol penghormatan, martabat dan kewarganegaraan bagi negara.

22 dan 23 Februari 1950:

Mesyuarat Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan reka bentuk bendera tersebut dengan beberapa pindaan.

19 Mei 1950:

Reka bentuk bendera tersebut mendapat kelulusan King George VI.

26 Mei 1950:

Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan buat pertama kalinya dalam majlis menaikkan bendera tersebut yang dianjurkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di perkarangan Istana Sultan Selangor dengan dihadiri oleh D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu dan Pegawai-Pegawai King George VI.

Sumber: <http://www.malaysiancoin.com/2013/09/sejarah-bendera-malaysia-jalur-gemilang.html>

Setiap negara mempunyai bendera yang tersendiri untuk mewujudkan perasaan bangga terhadap tanah air.

KRONOLOGI NAMA BENDERA MALAYSIA

11 Julai 1995:

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju supaya diadakan satu peraduan bagi memilih nama yang sesuai untuk bendera Malaysia. Oleh itu, satu Jawatankuasa Induk Peraduan Mencipta Nama Bendera Malaysia ditubuhkan.

Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan dianggotai oleh wakil daripada beberapa kementerian dan agensi yang berkaitan.

1 Julai 1996:

Urus setia mengemukakan 75 cadangan berserta ulasan dan huraian. Tiga nama disenarai pendek iaitu Setia Perkasa, Seri Setia Perkasa dan Seri Setia Negara.

2 Jun 1997:

Sebanyak 28 nama lagi dicadangkan. Tiga nama dicalon mengikut keutamaan iaitu Jalur Gemilang, Jalur Nusa Gemilang dan Jalur Sinar Gemilang.

1 April 1996:

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peraduan Mencipta Nama Bendera Malaysia telah bersetuju bahawa pemilihan cadangan nama bendera Malaysia dipilih daripada senarai nama yang dikemukakan oleh ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan. Nama jawatankuasa itu kemudiannya ditukar menjadi 'Jawatankuasa Induk Menamakan Bendera Malaysia'.

11 September 1996:

Mesyuarat Jemaah Menteri menolak ketiga-tiga nama tersebut.

30 Ogos 1997:

Pengisytiharan Jalur Gemilang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada jam 11.58 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



LAGU JALUR GEMILANG

Ciptaan: Datuk Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah)

Lirik: Syed Indera Syed Omar (Siso Kopratasa)

Merahmu bara semangat waja
Putihmu bersih budi pekerti
Kuning berdaulat payung negara
Biru perpaduan kami semua

Puncak dunia telah kau tawan
Lautan luas telah kau redah
Membawa semangat jiwa merdeka
Semangat jaya kami warganya


Empat belas melintang jalurnya
Semua negeri dalam Malaysia
Satu suara satu semangat
Itu sumpah warga berdaulat

Jalur Gemilang.....di bawah naunganmu
Jalur Gemilang.....kami semua bersatu
Perpaduan ketaatan
Amalan murni rakyat Malaysia
Jalur Gemilang.....megah kami terasa
Jalur Gemilang.....kibarkanlah wawasan
Merah, putih, biru, kuning
Jalur semangat kami semua

Berkibarlah
Berkibarlah
Berkibarlah

Jalur Gemilang

TIPS HORMATI BENDERA KITA



Jangan letak bendera
di atas tanah.

1

Jangan guna bendera
sebagai alas meja atau
penutup sesuatu benda
kecuali sebagai tanda
penghormatan contohnya,
untuk menutup kereta
rasmi semasa acara-
acara rasmi sahaja.

2

Jangan biarkan bendera
meleret ke tanah ketika
menurunkannya.

3

Menggantungkan
bendera di rumah-rumah
dan kedai-kedai pada
Hari Kebangsaan.

4


Tidak boleh mengelap
tangan dengan bendera
apabila tangan kotor.

5

Jangan bercakap
dengan kawan semasa
bendera dinaikkan
dan lagu Negaraku
dinyanyikan.


6

BENDERA NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA





BENDERA SELANGOR



Objek/Warna	Maksud
Bintang	Negeri Islam dan lima Rukun Islam sebagai pegangan utama.
Kuning	Warna Diraja.
Lima bucu bintang	Mengucap dua kalimah syahadat, solat lima waktu sehari semalam, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah.
Satu perempat berwarna kuning dan merah	Bahagian bendera negeri Selangor.

Sumber : <http://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/127?mid=713>

JATA SELANGOR



Objek/Warna	Maksud
Anak bulan dan bintang	Agama Islam ialah agama rasmi negeri.
Tombak merah ditengah-tengah	Sumbu warna.
Keris pendek di sebelah kanan dan keris panjang di sebelah kiri	Alat kebesaran negeri.
Tulisan jawi "Dipelihara Allah"	Cogan negeri.

Sumber : <http://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/128?mid=714>

BENDERA PAHANG



Objek/Warna	Maksud
Putih	Kedaulatan dan pemerintahan negeri meliputi perkara-perkara berkenaan adat resam, adat istiadat, undang-undang, tatasusila dan kuasa-kuasa seorang Sultan yang memerintah negeri ini.
Hitam	Warna kebesaran Bendahara pada masa lampau yang pernah memerintah negeri ini.

Sumber : http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=212

JATA PAHANG



Objek/Warna	Maksud
Mata cogan yang berbentuk daun kopi	Simbolik kepada peristiwa kejayaan sewaktu menyusun perancangan untuk mengambil alih pemerintahan kerajaan Pahang oleh Wan Ahmad (Sultan Ahmad) yang ketika itu dihidangkan air kopi.
Gading gajah yang bersilang	Kegagahan dan keperwiraan negeri ini.
Gading gajah	Negeri yang mempunyai adat istiadat sempena gajah yang digunakan sebagai kenderaan dalam istiadat diraja pada zaman dahulu.
Huruf jawi 'Ya Latiff'	Bermaksud 'Allah Yang Maha Lembut' ini merujuk kepada pemerintahan Sultan yang berpaksikan kepada agama Islam.

Sumber : http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=214

BENDERA KELANTAN



Objek/Warna	Maksud
Bulan sabit dan bintang	Agama Islam sebagai agama rasmi negeri Kelantan.
Latar belakang bendera yang berwarna merah	Kejujuran Raja, pembesar dan rakyat jelata kepada negeri.
Tombak dan keris	Kekuatan dan kegagahan orang-orang Melayu negeri Kelantan.
Warna putih	Kesucian Sultan yang memerintah negeri Kelantan.

Sumber: <http://pp-sk.blogspot.com>

JATA KELANTAN




Objek/Warna	Maksud
Bulan sabit dan bintang	Agama Islam sebagai agama rasmi negeri Kelantan.
Dua laras meriam	Negeri ini sentiasa bersedia mempertahankan diri daripada sebarang ancaman.
Mahkota	Kedaulatan negeri Kelantan.
Dua tombak dan dua keris	Kekuatan dan kegagahan orang-orang Melayu negeri Kelantan.
Dua ekor kijang	Tanda ingatan kepada Raja Perempuan Kelantan yang terkenal, Cik Siti Wan Kembang (Che Siti) yang sangat mengasihi kijang kesayangannya.
"Berserah Kepada Tuhan Kerajaan Kelantan"	Cogan negeri.

Sumber: <http://pp-sk.blogspot.com>



BENDERA TERENGGANU



Objek/Warna	Maksud
Latar belakang berwarna putih	Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Sultan Terengganu.
Tanah hitam	Rakyat Terengganu dinaungi oleh pemerintah DYMM Sultan Terengganu.
Anak bulan dan bintang	Agama Islam ialah agama rasmi negeri.

Sumber : <http://www.terengganu.gov.my>





JATA TERENGGANU



Objek/Warna	Maksud
Bulan dan bintang	Negeri Islam.
Mahkota	Pemerintahan Diraja.
Pedang, Keris panjang dan Cokmar	Alat kebesaran negeri.
Al-Quran di sebelah kanan	Agama Islam ialah agama rasmi negeri.
Buku Undang-undang di sebelah kiri	Keadilan.
Wali / Selampai	Alatan Istiadat Kebesaran.

Sumber : <http://www.terengganu.gov.my>





BENDERA PERLIS



Objek/Warna	Maksud
Kuning	Simbol pemerintahan beraja iaitu Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Raja Perlis.
Biru	Simbol rakyat jelata.

Sumber : <http://www.perlis.gov.my>


JATA PERLIS



Objek/Warna	Maksud
Lingkar padi	Pekerjaan utama dan hasil utama negeri iaitu padi.
Perisai	Kebanggaan dan kehormatan negeri.
Lambang keseluruhan jata Perlis bermaksud kebanggaan negeri itu kerana hasil kekayaan padinya.	

Sumber : <http://www.perlis.gov.my>





BENDERA KEDAH



Objek/Warna	Maksud
Merah	Warna tradisional negeri dan melambangkan kemewahan.
Bulan sabit berwarna hijau	Agama Islam ialah agama rasmi negeri.
Perisai	Sultan sentiasa menjaga dan melindungi rakyatnya.

Sumber: <https://www2.kedah.gov.my/index.php/tentang-kedah>

JATA KEDAH



Objek/Warna	Maksud
Jambangan yang terdiri daripada lingkaran biji padi	Padi ialah tanaman utama negeri Kedah.
Bulan sabit	Agama Islam.
Perisai	Kekuasaan pemerintah.

Sumber : <http://www2.kedah.gov.my/index.php/tentang-kedah>





NEGERI SEMBILAN

Negeri Sembilan
Darul Khusus

BENDERA NEGERI SEMBILAN



Objek/Warna	Maksud
Kuning	Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Raja.
Tiga segi yang berwarna merah	Rakyat.
Tiga segi yang berwarna hitam	Datuk-datuk Undang bagi Luak-luak yang menjadi bahagian-bahagian negeri ini.

Sumber : <http://www.ns.gov.my/my/kerajaan/info-negeri/bendera-jata-negeri-sembilan>






JATA NEGERI SEMBILAN



Objek/Warna	Maksud
Sembilan tangkai padi di dalam perisai	Sembilan buah negeri dalam gabungan Negeri Sembilan yang lama.
Merah dalam perisai	Hubungan-hubungan pada masa lalu dengan British.
Hitam	Datuk-datuk Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin.
Kuning	Yang Di Pertuan Besar.
Bintang pecah sembilan	Sembilan buah negeri dalam gabungan lama.
Pedang dan sarung di atas perisai	Tanda keadilan .
Ditengah-tengah antara pedang dan sarung ialah 'Changgai Putri'	Kebesaran Yang Di Pertuan Besar.

Sumber : <http://www.ns.gov.my/my/kerajaan/info-negeri/bendera-jata-negeri-sembilan>





BENDERA JOHOR



Objek/Warna	Maksud
Anak bulan dan bintang	Raja yang berdaulat.
Merah	Hulubalang yang mempertahankan negeri.
Biru Tua	Kerajaan negeri.

Sumber : <https://www.johor.gov.my/kerajaan/lambang-kerajaan/bendera-johor>





JATA JOHOR



Objek/Warna	Maksud
Mahkota	Kedaulatan Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Sultan.
Empat Bintang di sudut perisai putih	Empat buah jajahan asal negeri itu, iaitu Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Endau.
Bintang dan anak bulan	Agama Islam.
Dua ekor harimau	Keberanian dan kekuatan.
Lukisan yang berbunga-bunga di sebelah bawah perisai	Gambir dan lada hitam, dua jenis hasil utama yang asal bagi negeri ini.
Tulisan Jawi "Kepada Allah Berserah"	Cogan bagi negeri Johor.

Sumber : <https://www.johor.gov.my/kerajaan/lambang-kerajaan/bendera-johor>





PULAU PINANG

Pulau Pinang Pulau Mutiara

BENDERA PULAU PINANG



Objek/Warna	Maksud
Biru muda	Warna laut yang indah di sekeliling pulau.
Putih	Negeri Pulau Pinang yang aman damai.
Kuning	Tanda kemakmuran.
Pohon pinang	Pohon dari mana pulau itu mendapat namanya.

Sumber: <https://www.penang.gov.my/en/cio/25-general/info-penang-lambang-bendera-lagu/3572>





JATA PULAU PINANG



Objek/Warna	Maksud
Pohon pinang	Tanda asal nama pulau ini.
Petak yang berwarna kuning	Mengandungi gambar Jambatan Besar Pulau Pinang yang mempunyai dua (2) tiang dan empat (4) kabel yang menegakkan tiang tersebut.
Dua (2) tiang	Serampang Dua Mata dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.
Empat (4) kabel	Empat (4) jenis keturunan rakyat di negeri ini, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.
Jalur-jalur biru dan putih yang menjadi simbol lautan berjumlah lima (5) tiap-tiap satu warna	Simbol lima prinsip Rukun Negara dan lima daerah pentadbiran yang terdapat di Pulau Pinang.

Sumber: <https://www.penang.gov.my/en/cio/25-general/info-penang-lambang-bendera-lagu/3572>





BENDERA MELAKA



Objek/Warna	Maksud
Biru, kuning, merah dan putih	Mencerminkan warna-warna yang terdapat pada bendera Malaysia (Jalur Gemilang). Ini menandakan Melaka sebagai sebuah negeri di Malaysia.
Bulan sabit dan bintang	Simbol kepada agama Islam, agama rasmi negeri dan negara.

Sumber : <https://www.melaka.gov.my/ms/rakyat/info-melaka/bendera-negeri>





JATA MELAKA



Objek/Warna	Maksud
Lima bilah keris	Lima (5) orang pahlawan Melaka pada zaman silam yang terkenal dan berani; Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekiu, Hang Lekir dan Hang Kasturi.
Bulan sabit dan bintang pecah lima	Simbol bahawa Agama Islam merupakan agama rasmi negeri.
Pokok dan dua (2) ekor pelanduk	Mengisahkan hikayat bagaimana Melaka diasaskan. Parameswara telah menyaksikan pergaduhan di antara seekor Pelanduk dengan seekor Anjing semasa baginda berehat di bawah pokok Melaka. Baginda berasa kagum dengan kekuatan dan kebijaksanaan pelanduk yang kecil itu. Walaupun kecil, pelanduk itu tetap gagah dan baginda akhirnya mengambil keputusan untuk mendirikan tempat tinggal di situ dan menamakannya bersempena pokok Melaka tersebut.
Merah, putih, kuning dan biru	Melaka sebuah negeri di Malaysia.
Jalur-jalur biru dan putih yang menjadi simbol lautan berjumlah lima (5) tiap-tiap satu warna	Simbol lima prinsip Rukun Negara dan lima daerah pentadbiran yang terdapat di Pulau Pinang.

Sumber : <https://www.melaka.gov.my/ms/rakyat/info-melaka/jata-negeri>





BENDERA PERAK

PERAK
Perak Darul Ridzuan



Objek/Warna	Maksud
Putih	Kebesaran Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
Kuning	Kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan.
Hitam	Kebesaran Duli Yang Maha Amat Mulia Raja Di Hilir Perak Darul Ridzuan.

Sumber : <http://sultan.perak.gov.my/index.php/informasi-kesultanan/bendera-negeri-perak>

JATA PERAK



Objek/Warna	Maksud
Bulan sabit	Agama Islam ialah agama rasmi negeri
Bunga padi	Sumber perusahaan rakyat dan kesuburan negeri
Jata	Kedaulatan Raja Pemerintah

Sumber : <http://sultan.perak.gov.my/index.php/informasi-kesultanan/bendera-negeri-perak>





BENDERA SABAH



Objek/Warna	Maksud
Biru muda	Keamanan dan ketenteraman.
Merah	Keberanian dan keyakinan.
Putih	Kemurnian dan keadilan.
Biru cerah	Perpaduan dan kemakmuran.
Biru tua	Kekuatan dan semangat kerjasama.
Kelima-lima warna (biru muda, merah, putih, biru cerah dan biru tua)	Mewakili lima buah bahagian pentadbiran negeri Sabah.
Lukisan grafik berbentuk Gunung Kinabalu	Kerajaan Negeri Sabah.





JATA SABAH



Objek/Warna	Maksud
Sepasang tangan yang menjulang megah bendera negeri Sabah	Perpaduan dan kerjasama di kalangan masyarakat berbagai kaum di negeri ini ke arah kemajuan dan kejayaan.
Lima warna di bawah sepasang tangan	Mewakili lima buah bahagian pentadbiran negeri Sabah.
Biru muda	Keamanan dan ketenteraman.
Putih	Kemurnian dan keadilan.
Merah	Keberanian dan keyakinan.
Biru cerah	Perpaduan dan kemakmuran
Biru tua	Kekuatan dan semangat kerjasama.
Lukisan grafik berbentuk bayangan Gunung Kinabalu	Kerajaan Negeri Sabah.

Sumber : <http://pmr.inform.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/1607-negeri-sabah.html>






BENDERA SARAWAK



Objek/Warna	Maksud
Merah	Keberanian, kesungguhan dan pengorbanan rakyat dalam daya usaha mereka yang berterusan untuk mengejar serta mempertahankan kemajuan dan ketinggian maruah dalam proses membina Sarawak sebagai negeri contoh.
Kuning	Keagungan Perundangan dan Peraturan (Order), perpaduan serta stabiliti dalam masyarakat yang berbilang kaum.
Hitam	Kekayaan sumber asli Sarawak seperti minyak mentah, balak dan sebagainya yang merupakan landasan bagi memajukan rakyatnya.
Bintang yang berwarna kuning bermuncung sembilan	Sembilan bahagian di mana rakyatnya tinggal di dalam harmonis. Simbol bintang juga merupakan cita-cita tinggi rakyat Sarawak untuk meninggikan mutu kehidupan selepas merdeka.

Sumber : https://www.sarawak.gov.my/web/home/article_view/154/172/





LENCANA NEGERI SARAWAK



Objek/Warna	Maksud
Lencana negeri	Menjunjungkan kemegahan "Bumi Kenyalang", terbang tinggi dengan aspirasi dan pencapaian dalam semua lapangan daya usaha, berpandukan ideologi 'politik pembangunan'. Lencana negeri ini juga boleh membezakan keunggulan Sarawak daripada negeri-negeri lain di dunia.
Cogan negeri	Bersatu, Berusaha, Berbakti.

Sumber : https://www.sarawak.gov.my/web/home/article_view/155/187/





WILAYAH PERSEKUTUAN

(KUALA LUMPUR, LABUAN
DAN PUTRAJAYA)

BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN



Objek/ Warna	Maksud
Kuning	Kedudukan yang dihormati, dimuliakan dan kedaulatan.
Biru	Perpaduan, keikhlasan, dimuliakan dan kedaulatan.
Merah	Semangat waja, kekuatan, keberanian dan bertenaga.
Jata Negara	Lambang harimau berjuang melambangkan Wilayah Persekutuan.
Tiga (3) Bintang	Tiga (3) Wilayah Persekutuan terpenting iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Sumber: <http://www.kwp.gov.my/index.php/my/info-korporat/lagu-bendera>





BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Objek/ Warna	Maksud
Biru tua	Perpaduan warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berbilang kaum.
Merah	Keberanian, kegagahan sebuah bandaraya dalam menghadapi cabaran ke arah pembangunan bandaraya kosmopolitan yang dinamik dan berprogresif.
Kuning	Kedaulatan dan kemakmuran Kuala Lumpur.
Putih	Keluhuran, kebersihan dan keindahan bandaraya dalam taman bercahaya.
14 jalur merah dan putih (melintang)	Keanggotaan 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
Bulan sabit dan bintang	Agama Islam sebagai agama rasmi.
Bintang berbucu 14	13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bertindak sebagai Pusat Kerajaan dan pentadbiran.

Sumber: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/1517-maklumat-kenegaraan/bendera-kita/1609-wilayah-persekutuan-kuala-lumpur>





BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN




Objek/ Warna	Maksud
Merah	Keberanian bermakna Pulau Labuan adalah menjadi Wilayah Persekutuan di dalam Persekutuan Malaysia.
Putih	Kesucian, keikhlasan dan kesungguhan dalam mempertingkatkan katahanan rakyat yang beradab, berkebudayaan dan berkeperibadian Malaysia.
Biru	Perpaduan rakyat berbilang kaum, hidup bersatu, aman makmur hormati serta berusaha untuk memajukan pembangunan ekonomi yang berasaskan sains dan teknologi.
Kuning	Kedaulatan Raja Berperlembagaan serta mendokong dan menghormati lunas-lunas perlembagaan dan falsafah Rukun Negara.
Bulan Bintang berwarna kuning	Keislaman dan Kedaulatan Raja Berperlembagaan.
Bintang pecah empat belas	Negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan bersatu dalam Persekutuan Malaysia.

Sumber : <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/1517-maklumat-kenegaraan/bendera-kita/1610-wilayah-persekutuan-labuan>





BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



Objek/Warna	Maksud
Biru	Keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.
Kuning	Warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu.
Logo Persekutuan	Wilayah Persekutuan Putrajaya menjadi tonggak pentadbiran negara yang baru dengan kekuatan dan semangat yang utuh dalam mengharungi era globalisasi dan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Sumber : <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/1517-maklumat-kenegaraan/bendera-kita/1611-wilayah-persekutuan-putrajaya>

Editor Penyelaras:
Norazila Mohd Taib
Siti Nor Khalilah Abdullah Halim

Pereka Grafik:
Nur Anisa Aziz

Sumber:
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa,
Jabatan Perdana Menteri





AKTIVITI



CARI 10 PERBEZAAN GAMBAR A DAN GAMBAR B

Gambar A



Gambar B









JOM UJI INGATAN ANDA!



**Lukis, warna dan namakan bendera-bendera
Negeri-negeri Malaysia di bawah**







KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



**JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA**

Diterbitkan oleh:
**Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Laman Web : www.penerangan.gov.my
Portal : pmr.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my

B.033 (B.M) OGOS 2018 (020.)

